

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 1 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

Homepage: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-1-2022/>



### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of  
Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: alturathjournal@gmail.com

### Journal QR Code :



*Received: 12 April 2022; Accepted: 28 Jun 2022; Published: 30 June 2022*

*DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2022-0701-07>*

## **ISU DAN CABARAN PENGELOLAAN KELAS PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*) DI INSTITUSI TAHFIZ SWASTA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

### **Issues And Challenges of Managing Tahfiz Al-Quran Classes Online in Private Tahfiz Institutions During the Period of Movement Control Order (MCO)**

Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi<sup>1\*</sup> & Muhammad Hafiz Muhamad Haneefa<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Prof. Madya, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Malaysia

<sup>2</sup> Pengurus, Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor dan calon PhD Sunnah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia.

\*zulfiqar@fsk.upsi.edu.my (Corresponding author)

#### **Abstrak**

Kelangsungan sistem pendidikan tidak boleh terhenti walaupun terdapat halangan bersemuka di kala pandemik COVID-19 termasuk dalam pengelolaan kelas pengajian Tahfiz al-Quran. Pelaksanaan kelas tahfiz secara dalam talian menjadi pilihan utama semua institusi Tahfiz bagi memastikan kelas pengajian Tahfiz tidak terbantut. Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau pelaksanaan dan pengelolaan kelas pengajian Tahfiz al-Quran terutamanya maahad atau pusat Tahfiz swasta dalam tempoh pandemik Covid-19. Tinjauan yang dilaksanakan ini merangkumi lima (5) perkara utama iaitu isu dan cabaran dari aspek pentadbiran Institusi Tahfiz, corak pelaksanaan jadual harian rasmi hafazan al-Quran, pelaksanaan kelas tasmik hafazan baharu, pelaksanaan kelas murajaah hafazan mingguan dan hafazan lama dan masalah dan cabaran pelaksanaan kelas hafazan dalam talian. Dalam proses pemerolehan data, kajian ini secara sepenuhnya menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan kaedah temubual separa struktur yang dilaksanakan secara dalam talian. Bagi prosedur temubual, seramai 49 orang responden dari 27 institusi Tahfiz yang terdiri daripada mudir (pengetua) dan guru tasmik dan diniah (agama) telah ditemubual. Dapatkan menunjukkan pelbagai isu dan cabaran timbul iaitu kemudahan peranti yang terhad, liputan internet yang tidak memuaskan, penjadualan kelas, komitmen dan disiplin pelajar, kerjasama ibu bapa dan pencapaian pelajar. Ia sekaligus menyebabkan perjalanan pentadbiran sekolah terjejas sehingga terdapat pelajar yang berhenti dari meneruskan pengajian mereka. Kajian ini mencadangkan beberapa langkah dan tindakan yang boleh diambil bagi memastikan perjalanan kelas Tahfiz berlangsung dengan lebih baik dan menghasilkan pelajar kekal berkualiti walaupun pembelajaran terhad dalam talian.

**Kata Kunci:** Pendidikan Tahfiz, Pandemik Covid-19, Institusi Tahfiz Swasta, Pembelajaran Dalam Talian (*Online*), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

#### **Abstract**

The survival of the education system cannot be stopped even if there are obstacles faced during the COVID-19 pandemic, including in the management of Tahfiz al-Quran classes. The implementation of online tahfiz classes is the main choice of all Tahfiz institutions to ensure that Tahfiz classes are not stunted. This study aims to review the implementation and management of Tahfiz al-Quran study classes especially maahad or private Tahfiz centers during the Covid-19 pandemic period. This survey covers five (5) main items, namely issues and challenges from the administrative aspect of Tahfiz Institution, implementation pattern of the official daily schedule of memorizing the Quran, implementation of new memorization tasmik classes, implementation of weekly memorization murajaah classes, and old memorization and implementation problems and challenges. online memorization classes. In the process of data acquisition, this study fully uses a qualitative approach that is using a semi-structured interview method conducted online. For the interview procedure, a total of 49 respondents from 27 Tahfiz institutions consisting of *mudir* (principal) and *tasmi'* and *diniah* (religion) teachers were interviewed. The findings show that various issues and challenges arise, namely limited device facilities,

unsatisfactory internet coverage, class scheduling, student commitment and discipline, parental cooperation, and student achievement. It also affected the school administration so that some students stopped continuing their studies. This study suggests several steps and actions that can be taken to ensure that Tahfiz class journeys run better and produce quality students despite the limited online learning.

**Keywords:** Tahfiz Education, Covid-19 Pandemic, Private Tahfiz Institutions, Online Learning, Movement Control Order (MCO)

## PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 telah membawa kepada perubahan norma kehidupan manusia pada hari ini. Bagi memastikan penularan jangkitan virus ini dapat dibendung, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana rakyat tidak dibenarkan keluar rumah kecuali untuk urusan yang penting sahaja dan penguatkuasaan bekerja dari rumah (*work from home*). Dalam aspek pendidikan, Covid-19 secara radikal telah mengubah arus perdana sistem pendidikan Malaysia daripada berbentuk konvensional kepada kaedah atas talian. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan telah memutuskan agar semua pembelajaran dan pengajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian dan semua aktiviti PdP bersemuka ditangguhkan (Siti Azura Abu Hassan et al. (2021). Ini telah menyebabkan para pelajar dan murid-murid di Malaysia tidak pergi ke sekolah sejak Mac 2020 (Rohani Ab. Ghani 2021). Ini merupakan satu alternatif yang sesuai dan terbaik demi memastikan proses pendidikan di semua peringkat berjalan di samping menghindarkan diri serta mampu meminimumkan risiko terdedah kepada jangkitan wabak virus COVID-19.

Senario ini telah memberikan perubahan yang besar terhadap penggunaan platform digital secara meluas (Mohd Fairuz Jafar, et.al, 2020). Norma baru dalam sistem pendidikan memperlihatkan keupayaan generasi muda iaitu murid dan para pelajar lebih menguasai teknologi maklumat dan aplikasi-aplikasi sosial media dalam pembelajaran. Penggunaan platform ini merupakan pilihan yang terbaik sebagai alternatif kepada PdP yang berbentuk fizikal kepada pendidikan maya yang kini dikenali dengan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Guru-guru dan pelajar telah beralih menggunakan alat-alat peranti seperti komputer, telefon tangan dan tablet sebagai medium utama PdPR. Ia sekaligus mengubah lanskap sistem pendidikan dan inilah yang dikatakan norma baru dalam dunia pendidikan kini (Rohani Ab. Ghani 2021). Hal ini juga bertepatan dengan hasrat kerajaan ke arah pelaksanaan program pendigitalan Malaysia di bawah norma baharu yang menitikberatkan penggunaan teknologi maklumat (Syakir & Farid 2021).

Dalam konteks pendidikan Tahfiz al-Quran, hampir semua institusi Tahfiz juga mengalami perubahan corak PdP mereka ke arah pembelajaran maya. Pembelajaran mereka sama ada *talaqqi*, *tasmī*' dan *murajaah* dilaksanakan secara dalam talian antara pelajar bersama dengan guru-guru mereka (Ashraf Ismail et. al 2020). Perubahan ini merupakan suatu yang positif dan baik kepada pengetahuan, pengalaman dan kemahiran guru Tahfiz. Ini kerana PdP kebanyakannya guru Tahfiz mengamalkan kaedah tradisional dalam pengajaran mereka (Nor Musliza & Mokmin 2014). Dengan PdPR secara dalam talian ini telah mengubah pengetahuan, pengalaman dan kemahiran guru Tahfiz kepada kaedah moden yang menjurus kepada teknologi dalam pendidikan.

Kajian ini secara khususnya melibatkan sekolah, pusat dan institusi Tahfiz swasta sahaja. Namun beberapa situasi dan keadaan yang dibincangkan masih boleh dinilai dan diaplikasikan bagi sekolah di bawah tanggungan kerajaan sama ada kerajaan pusat atau negeri. Pemilihan lokasi kajian yang hanya menumpukan kepada sekolah, pusat dan institusi Tahfiz swasta kerana jumlah sekolah dan pelajar mereka lebih ramai dan ditambah pula dengan kekangan dana, kemampuan dan disiplin pelajar yang pelbagai, kekurangan kemahiran pedagogi guru dan tiada pemantauan khusus dari pakar-pakar pendidikan. Dapatkan kajian ini sekaligus boleh menjadi rujukan dan penilaian bagi kajian selepas ini berkaitan PdPR secara dalam talian di institusi Tahfiz.

## Permasalahan Kajian

Krisis pandemik Covid19 dan tindakan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara tidak langsung memberi dimensi baharu kepada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah termasuk pengajaran al-Quran. Dengan pergerakan yang terhad dan ketiadaan peluang pembelajaran secara bersemuka telah memberi peluang kepada guru dan pengajar al-Quran untuk menambah baik dan menyesuaikan keadaan Tahfiz al-Quran terutama dari aspek kaedah *talaqqi musyafahah* agar menepati kaedah dan tujuan yang sebenar

(Nurul Huda et. al, 2019).

Namun, melaksanakan kelas tasmik hafazan sama ada hafazan baharu atau *murajaah* secara atas talian bukanlah sesuatu yang mudah. Banyak isu dan cabaran yang terpaksa dilalui oleh para pentadbir, guru dan juga pelajar dalam mendepani pengajian secara maya ini. Antara kekangan, isu dan cabaran utama ialah ketidakboleh capaian rangkaian internet dalam mengendalikan kelas atas talian (Zetty 2020). Kesukaran capaian ini menjadi kritikal terutama bagi pelajar yang tinggal di kawasan yang bermasalah bagi mendapat liputan internet (Roslinda 2020). Keadaan ini telah menyukarkan pelajar untuk mengikuti proses tasmik dengan baik. Bahkan terdapat juga kawasan penempatan pelajar yang capaian internet sangat lemah sehingga "chat" juga sukar dilakukan (Ashraf Ismail et. al 2020). Selain itu, terdapat juga pelajar yang mempunyai Internet di rumah namun juga mempunyai masalah. Ini kerana dalam satu rumah mempunyai adik-beradik yang menggunakan data yang sama, jadi kelajuan internet menjadi perlahan sekaligus menyebabkan PdPR tidak dapat berlangsung dengan baik (Nor Salwana Mohd Idris, 2021).

Selain itu, isu utama juga pengajaran dan pembelajaran dalam talian ialah disebabkan ramai pelajar tidak mempunyai gajet atau telefon pintar peribadi dan tidak mempunyai cukup data internet. Laporan dari taklimat Menteri Pendidikan menunjukkan seramai hampir 36.9% pelajar tidak mempunyai langsung alat peranti elektronik (Harian Metro, 22 Julai 2020) dan ia dijangka seramai 1.7 juta pelajar (Berita Harian, 23 November 2020). Justeru, keadaan ini secara langsung membantutkan proses PdPR disebabkan komunikasi antara pelajar dan guru hampir tidak wujud (Roslinda 2020).

Dalam konteks pengajian Tahfiz al-Quran, cabaran yang dihadapi ialah proses tasmik bacaan pelajar yang kadang kala tidak jelas dari segi kualiti suara (Ashraf Ismail et. al 2020). Guru perlu menegur bacaan pelajar yang salah atau lupa beberapa kali sehingga memuaskan. Selain itu, wujud juga keadaan yang mana dari segi melihat visual penyebutan pelajar pada skrin komputer ada waktunya tidak setara dengan pergerakan mulut. Ini sekaligus akan menyukarkan guru tasmik untuk menegur kesalahan dan kesilapan secara langsung tambahan pula dengan jumlah pelajar yang ramai. Apabila teguran banyak dibuat maka secara tidak langsung menyebabkan ingatan pelajar semasa tasmik terganggu dan menyebabkan bacaan tasmik mereka ditolak. Kadangkala semasa proses tasmik, talian boleh putus secara tiba-tiba yang menyebabkan gangguan pada penelitian guru dan ingatan pelajar (Ashraf Ismail et. al 2020).

Selain itu, isu yang utama yang juga berlaku dalam pengajian Tahfiz ialah tentang kejujuran pelajar semasa tasmik hafazan mereka yang mana mereka tidak dibenarkan melihat mushaf al-Quran. Guru tidak dapat pastikan keadaan tersebut kerana ia bergantung kepada kejujuran pelajar tersebut (Ashraf Ismail et. al 2020). Justeru keadaan inilah yang menguatkan pandangan bahawa amat penting proses tasmik dilakukan secara bersemuka (Nor Musliza & Mokmin 2014).

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau pelaksanaan dan pengelolaan kelas pengajian Tahfiz al-Quran terutamnya maahad atau pusat Tahfiz swasta dalam tempoh pandemik Covid-19. Tinjauan yang dilaksanakan ini merangkumi lima (5) perkara utama iaitu cabaran cabaran dari aspek pentadbiran Institusi Tahfiz, corak pelaksanaan jadual harian rasmi hafazan al-Quran, pelaksanaan kelas tasmik hafazan baharu, pelaksanaan kelas murajaah hafazan mingguan dan hafazan lama dan masalah dan cabaran pelaksanaan kelas hafazan dalam talian.

Dalam proses pemerolehan data, kajian ini secara sepenuhnya menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan kaedah temubual separa struktur yang dilaksanakan secara dalam talian. Bagi prosedur temubual, seramai 49 orang responden dari 27 institusi Tahfiz yang terdiri daripada *mudir* (pengetua) dan guru tasmik dan *diniah* (agama). Responden ini keseluruhannya merupakan peserta Sijil Asas Pengajaran dan Pembelajaran (Tahfiz al-Quran) tahun 2021 yang dikendalikan oleh pasukan pakar Tahfiz al-Quran di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

## **Dapatan Kajian**

Secara umumnya dapatan dari tinjauan dan temubual yang diakadakan bersama dengan pihak guru dan pentadbir, terdapat pelbagai situasi dan masalah yang timbul dalam pelaksanaan dan pengelolaan kelas pengajian Tahfiz al-Quran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisyiharkan oleh kerajaan. Setakat laporan kajian ini disiapkan tempoh PKP ini telah berlangsung selama hampir satu tahun setengah (bermula Mac 2020 hingga Ogos 2021) menunjukkan pelbagai bentuk kelas pengajian Tahfiz

dilaksanakan di samping cabaran dan masalah yang timbul. Berikut disenaraikan beberapa dapatan tentang pengelolaan kelas Tahfiz al-Quran di beberapa sekolah, pusat dan institusi Tahfiz terpilih:

### 1. Cabaran Dari Aspek Pentadbiran Institusi Tahfiz

Berdasarkan hasil temubual yang dilaksanakan, secara umumnya kebanyakan sekolah mempunyai pelbagai cabaran dalam meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara masalah yang timbul ialah:

- a) Pelajar berhenti sekolah. Hampir kesemua sekolah, pusat dan institusi Tahfiz yang menjadi lokasi kajian melaporkan terdapat sebahagian pelajar telah berhenti sekolah disebabkan oleh beberapa sebab dan alasan. Alasan utama pihak pelajar ialah ketidakupayaan ibu bapa mereka untuk terus membayar yuran sekolah (yang sekitar RM300 hingga RM400) sebulan disebabkan ibu bapa yang terkesan akibat diberhentikan kerja dan pendapatan berkurang. Pelajar juga menyatakan yang dia tidak boleh memberi komitmen dalam kelas diminta oleh ibu bapa untuk membantu membuat kerja dan berniaga. Selain itu, kekangan tiada peranti telefon atau alat komunikasi lain serta data internet yang terbatas menyebabkan mereka tidak dapat masuk kelas secara dalam talian dan sekaligus menyebabkan mereka tidak boleh tasmik dan murajaah. Justeru, penyelesaiannya ialah dengan bertindak berhenti dulu sekolah dan membantu keluarga menambah sumber pendapatan.
- b) Bayaran Yuran Tertunggak. Isu bayaran yuran tertunggak merupakan situasi biasa yang berlaku di kebanyak pusat pengajian berbayar. Keadaan permasalahan ini makin ketara apabila terdapat ibu bapa yang hilang pekerjaan dan pendapatan akibat pandemik Covid-19, ia menyebabkan ramai ibu bapa yang memohon untuk menangguhkan bayaran yuran anak mereka. Apabila keadaan ini berlaku, isu lain yang akan timbul bagi pihak sekolah antaranya ialah pembayaran sewa bangunan, gaji guru dan bil utiliti. Berdasarkan maklumat dari pihak Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) menyatakan jumlah keseluruhan hutang yuran tertunggak bagi semua tahfiz swasta di Selangor mencecah RM 8 juta dan hutang bil utiliti pula berjumlah RM 2 juta. Justeru, terdapat maahad telah mengurangkan gaji guru, gaji guru Tahfiz juga telah tertungggak bahkan sudah lebih 10 maahad terpaksa ditutup berikutan sumber pendapatan operasi bergantung kepada yuran pelajar.
- c) Pembelajaran subjek selain al-Quran Terbantut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua sekolah, pusat dan institusi Tahfiz melaksanakan kelas secara dalam talian, namun terdapat beberapa subjek selain al-Quran seperti subjek *diniah* (agama) dan akademik terbantut. Keadaan ini menyebabkan proses pembelajaran holistik akan terjejas dan sehingga terdapat guru berkenaan berhenti mengajar. Paling ketara ialah pengajaran dan pembelajaran subjek akademik yang biasanya dilaksanakan secara hujung minggu, dihentikan sepenuhnya.
- d) Komitmen Rendah Oleh Ibu Bapa. Antara masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah ialah komitmen rendah ibu bapa dalam memberi perhatian terhadap pembelajaran anak mereka. Berdasarkan temubual yang dilakukan, guru memberikan laporan secara langsung kepada ibu bapa tentang perkembangan anak mereka namun, terdapat ibu bapa yang tidak memberi maklumbalas mesej dalam aplikasi *whatapps* dan *telegram*, sekalipun telah dihubungi berkali-kali. Keadaan ini menyebabkan guru terpaksa mengelola anak mereka dengan pelbagai cara dan kaedah.

### 2. Corak Pelaksanaan Jadual Harian Rasmi Hafazan Al-Quran

Dalam memastikan kelas tasmik harian rasmi berlangsung, terdapat dua pendekatan pelaksanaan kelas tasmik diadakan iaitu:

- a) Kekal sebagaimana jadual biasa. Terdapat 10 daripada 27 institusi tahfiz yang menjadi lokasi kajian melaksanakan jadual rasmi sebagaimana jadual harian di institusi tahfiz berkenaan iaitu bermula antara jam 6.30 pagi hingga 7.30 pagi. Pelajar dikehendaki masuk sama ada menggunakan *Google Meet* atau panggilan video (*video call*) melalui aplikasi *Whatapps*.
- b) Diubah berdasarkan kesesuaian. Kebanyakan institusi tahfiz yang menjadi lokasi kajian telah mengubah jadual waktu al-Quran sama ada kelas tasmik hafazan baharu (*jadid/sabak*), hafazan mingguan terkini (*Usbu'i/para sabak/sabki*) dan hafazan lama (*qadim/manzil/ammohktar*). Terdapat tiga bentuk perubahan yang dilakukan berbanding jadual asal sebagaimana berikut:

- Ketetapan pihak sekolah berdasarkan maklumbalas pelajar. Di peringkat awal pelaksanaan kelas secara dalam talian (*online*), kebanyakan institusi tafhiz cuba untuk melaksanakan jadual sebagaimana yang dilaksanakan di sekolah. Namun setelah beberapa bulan, respon pelajar agak kurang untuk masuk tepat pada waktu yang ditetapkan, maka pihak sekolah telah mengubah jadual ke suatu masa yang boleh disepakati bersama supaya semua pelajar boleh menyertai kelas yang diadakan.
- Dikurangkan masa berdasarkan kesesuaian. Semasa pelaksanaan kelas secara bersemuka, kelas al-Quran secara keseluruhan mencecah hampir 7 jam bersama dengan guru sehari. Namun dalam pelaksanaan kelas secara dalam talian, kebanyakan sekolah telah mengurangkan masa kelas al-Quran kepada jumlah jam tertentu. Rata-rata sekolah yang menjadi lokasi kajian mengurangkan ke 4 jam sehari yang merangkumi kelas tasmik hafazan baharu, kelas hafazan mingguan terkini dan hafazan lama.
- Menentukan masa tertentu bagi setiap pelajar. Disebabkan ramai pelajar yang berkongsi peranti, bekerja di sebelah siang dan membantu ibu bapa, menyebabkan terdapat juga 2 buah sekolah kajian yang melaksanakan kelas hanya pada waktu malam sahaja iaitu sekitar 2 jam iaitu bermula jam 8 hingga 10 malam. Kelas yang dilaksanakan hanyalah kelas tasmik hafazan baharu sahaja dan telah meninggalkan kelas hafazan mingguan terkini (*para sabak/sabki*) dan semakan hafazan lama.

### 3. Pelaksanaan Kelas Tasmik Hafazan Baharu

Tasmik bermaksud pelajar memperdengarkan hafazan baharu untuk disemak oleh guru bagi mengesan tahap pencapaian hafazan pelajar sekaligus membimbing pelajar agar menjadikan hafazan lebih tepat dan sempurna (Hafiz & Nursafazilah 2016). Semasa tasmik pelajar akan dinilai dari sudur kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasohah, tilawah bertajwid dan bacaan secara tadvir dan tartil (Mohd Faisal, Zawawi & Rahimi, 2008).

Bagi mengekalkan perjalanan tasmik berlangsung dengan baik walaupun secara dalam talian, pelbagai kaedah aplikasi telah digunakan. Antara aplikasi yang paling popular dalam melaksanakan kelas dalam talian ini ialah Google Meet, video call Whatapps, Zoom dan Webex. Namun yang paling dominan ialah menggunakan Google Meet disebabkan ia mudah didapati, stabil dan jumlah data internet yang digunakan masih bersesuaian. Penggunaan Data Internet bagi video call selama 1 jam menggunakan Google Meet ialah sekitar 500MB sejam untuk versi mobile (<https://gadgetstouse.com/>).

Bagi pelaksanaan kelas tasmik secara dalam talian ini, kajian mendapati tidak semua boleh masuk dan tasmik setiap hari sebagaimana di sekolah. Secara purata hanya separuh sahaja dari jumlah pelajar yang mempu tasmik setiap hari berbanding kemampuan mereka di sekolah. Menurut guru, keadaan ini berlaku disebabkan kurangnya kawalan dan pemantauan ibu bapa di rumah, sikap pelajar yang tidak mengambil berat tentang pengajian al-Quran mereka, banyak menghabiskan masa dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah (terutama bermain video game) dan ada sebahagiannya yang membantu keluarga menambah sumber pendapatan. Ini sekaligus menyebabkan pencapaian pelajar merosot dan gagal menghabiskan sukatan hafazan yang sepatutnya. Disebabkan komitmen pelajar untuk tasmik dan hadir dalam kelas dalam talian agak rendah, ia menyebabkan pihak sekolah terpaksa mengurangkan dan menyesuaikan sukatan tahunan pelajar.

Selain komitmen pelajar, kelas tasmik dalam talian juga bermasalah dari sudut mengawal selia bacaan pelajar disebabkan capaian internet yang tidak memuaskan. Apabila tidak jelas dari segi kualiti suara, ia akan menyukarkan guru *tasmik* untuk menegur kesalahan, kesilapan dan kelupaan ingatan secara langsung. Ini sekaligus menyebabkan proses *talaqqi* dan *musyafahah* dalam hafazan al-Quran terjejas dan boleh menyebabkan kesilapan dalam hafazan al-Quran.

### 4. Pelaksanaan Kelas *Murajaah* Hafazan Mingguan Terkini dan Hafazan Lama

Bagi menghasilkan hafazan yang baik, mantap dan diingati keseluruhan 30 juzuk al-Quran, penghafaz al-Quran itu perlu mengikuti kaedah-kaedah khusus bagi memastikan hafazannya benar-benar lekat di dalam ingatannya (Sedek Ariffin et. al 2012). Istilah kelas hafazan mingguan terkini dikenali dengan nama sama ada *usbū'i*, *para sabak* atau *sabki* dan hafazan lama yang dikenali dengan nama sama ada *qadim*, *manzil* atau *ammohktar*. Di sekolah, kelas hafazan mingguan terkini dengan guru membahagikan pelajar secara berpasangan untuk tasmik sesama mereka.

Pada kebiasaannya pasangan pelajar itu adalah mereka yang sama tahap hafalannya atau hampir-hampir sama hafalannya bagi memastikan keserasian di antara pasangan masing-masing. Kemudiannya secara bergilir, pasangan pelajar ini dipanggil untuk duduk berhadapan, dan disemak bersama guru. Biasanya jumlah

bacaan pelajar untuk kelas hafazan mingguan terkini ialah sekitar 5 hingga 10 halaman (Sedek Ariffin et. al 2012). Keadaan yang sama juga dilaksanakan untuk kelas hafazan lama, Cuma yang membezakan ialah jumlah dan juzu' hafazan. Jumlah biasa yang dilaksanakan biasanya ialah sekitar setengah juzu' (10 halaman) hingga satu juzu' (20 halaman). Manakala juzu' tasmik ialah bergantung kepada ulangan juzu' lama yang kemudiannya dicatat rekod oleh guru.

Dalam melaksanakan kelas kelas murajaah hafazan mingguan terkini dan hafazan lama secara dalam talian, terdapat dua cara dilaksanakan iaitu pertama bacaan secara langsung dengan guru dengan kadar tertentu yang ditetapkan dan kedua ialah mengekalkan secara berpasangan. Bagi semakan berpasangan ini, guru telah meminta pasangan pelajar untuk membuat pautan (*link*) Google Meet masing-masing dan guru akan semak bacaan pelajar dengan masuk secara rawak dalam pautan (*link*) yang diberikan.

Berdasarkan temubual yang dilakukan, guru memberi maklum balas bahawa antara masalah pelaksanaan kelas kelas murajaah hafazan mingguan terkini dan hafazan lama ialah bacaan pelajar laju ditambah pula dengan talian internet yang kurang memuaskan menyebabkan guru sukar untuk mengesan kesalahan bacaan. Selain itu, peruntukan masa iaitu sekira 1 jam setengah hingga 2 jam amat terhad bagi guru untuk semak semua bacaan pelajar terutama sekiranya jumlah pelajar yang ramai. Ini menyebabkan guru terkejar-kejar masa dan kadangkala menyebabkan mencecah hampir 3 jam mendengar dan menyemak bacaan pelajar.

Ada beberapa orang guru yang ditemubual telah mengambil langkah menebuk bacaan beberapa orang pelajar tanpa tasmik keseluruhan secara bergilir. Dengan cara ini akan menjimatkan masa guru dan membolehkan semua pelajar diuji bacaan mereka dalam masa yang ditetapkan.

### **Isu dan Cabaran Pelaksanaan Kelas Hafazan Dalam Talian**

Pelbagai isu dan cabaran perlu ditempoh oleh pentadbir, guru dan pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan PKP dan pandemik Covid19. Berikut antara isu dancabaran yang dibangkitkan dalam temubual yang dijalankan kepada responden.

- i. Kemampuan tanggungan keluarga. Sepanjang tempoh pandemik, sebilangan pelajar menghadapi masalah kewangan kerana ibu atau bapa mereka telah diberhentikan kerja. Sehubungan dengan itu, terdapat pelajar yang mengambil keputusan untuk berhenti belajar dan mencari pekerjaan bagi membantu keluarga. Ada juga yang menangguh pengajian mereka dahulu sepanjang PKP dan akan diteruskan setelah sekolah buka dan beroperasi seperti biasa. Selain itu, penyediaan lokasi belajar di rumah juga terhad disebabkan saiz rumah yang kecil dan mempunyai adik beradik yang ramai. Kadangkala tidak ada ruangan atau meja khusus untuk belajar dan belajar di hadapan televisyen yang pastinya akan menyebabkan suasana belajar tidak kondusif dan tidak selesa.
- ii. Masalah Teknikal. Tidak dapat dinafikan suasana baru PdP sangat bergantung kepada keampuhan jaringan internet. Faktor ini merupakan kunci kepada pencapaian pembelajaran secara maya. Antara isu utama yang dibangkitkan ialah peranti yang dikongsi bersama ahli keluarga lain, kawasan rumah yang tidak mempunyai liputan yang memuaskan dan data internet yang terhad. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak boleh hadir sepenuhnya kelas dan tidak buka kamera semasa kelas. Sedangkan melibat secara langsung semasa tasmik bacaan merupakan suatu yang wajib, bagi memastikan proses talaqqi dan musyafahah berlangsung dengan baik.
- iii. Komitmen Pelajar. Dapatkan juga menunjukkan bahawa komitmen pelajar dalam mengikuti pelaksanaan kelas PdPR hafazan adalah rendah. Komitmen ini dinilai dari 4 aspek iaitu kehadiran, kepatuhan masa, maklum balas pelajar dan buka kamera. Berdasarkan temubual yang dijalankan, secara umumnya komitmen perempuan adalah lebih baik berbanding pelajar lelaki dalam semua aspek yang dinilai. Kebanyakan pelajar yang kurang dan gagal memberi komitmen adalah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya tidur, sikap ambil lewa terhadap kelas, tidak mendapat kerjasama ibu bapa dan kadangkala disebabkan sikap pelajar yang degil walau diberi amaran berkali-kali oleh guru. Komitmen pelajar juga rendah disebabkan mereka tidak mempunyai peranti sendiri dan tiada liputan internet yang baik di kawasan mereka.
- iv. Kejujuran Pelajar dalam Mempersembahkan Hafazan. Antara kebimbangan dan kekhawatiran guru tasmik ialah kejujuran pelajar dalam mempersembahkan hafazan mereka. Terdapat pelajar yang ditangkap dan dikesan menipu dalam hafazan mereka dengan melihat mushaf sama ada fizikal mushaf, skrin komputer atau telefon semasa tasmik. Penipuan atau ketidak jujuran pelajar ini boleh menyebabkan kesan jangka panjang dari sudut ingatan dan akhlak pelajar berkenaan. Antara langkah

- yang diambil ialah dengan meminta pelajar menutup mata dengan kain dan amaran bagi memastikan kejadian sedemikian tidak berlaku.
- v. Perubahan Ujian dan Peperiksaan Rasmi. Dapatan juga menunjukkan kebanyakan maahad dan institusi Tahfiz telah membatalkan peperiksaan rasmi sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan. Namun terdapat juga 5 maahad dari keseluruhan 27 lokasi institusi Tahfiz kajian kekal melaksanakan ujian hafazan iaitu dengan melakukan ujian syafawi sahaja. Pelaksanaan ujian ialah dengan cara menebak secara rawak dan pemilihan sampul surat soalan untuk diuji ingatan pelajar terhadap juzu' yang mereka hafaz.
  - vi. Pencapaian Keseluruhan. Keseluruhan institusi Tahfiz melaporkan bahawa pencapaian pelajar merosot sama ada dari sudut pencapaian hafazan, murajaah dan peperiksaan. Keadaan ini berlaku berpunca dari komitmen rendah pelajar untuk hadir dalam kelas PdPR. Pihak sekolah dan guru juga tidak boleh menghukum pelajar secara langsung bagi mereka yang gagal disebabkan pembelajaran dalam talian. Selain itu, kerjasama ibu bapa dalam mengawal selia anak-anak di rumah juga rendah disebabkan mereka bekerja dan menambah sumber pendapatan.
  - vii. Semangat pelajar untuk belajar menurun. Pelanjutan demi pelanjutan PKP disebabkan pandemik Covid19 sehingga mencecah lebih setahun setengah telah menyebabkan semangat dan minat pelajar semakin menurun. Pelajar didapati mula berasa bosan dengan cara belajar di rumah sahaja tanpa bertemu guru dan rakan-rakan. Jika keadaan ini berterusan, ia boleh menjadikan sindrom 'lost generation' kerana mereka banyak ketinggalan dalam pelajaran dan pendidikan.

### **Cadangan Penambahbaikan**

Berdasarkan temubual dan tinjauan yang dilaksanakan, terdapat beberapa cadangan boleh dirujuk bagi memastikan kelas pengajian Tahfiz al-Quran secara dalam talian ini boleh dilaksanakan dengan baik. Cadangan penambahbaikan ialah sebagaimana berikut:

- i. Pihak sekolah dicadangkan untuk mengurangkan kadar yuran iaitu sekurang-kurangnya separuh dari bayaran biasa memandangkan makan minum tidak disediakan untuk pelajar. Dengan cara ini membolehkan pelajar menjelaskan yuran mereka di samping berupaya membeli data internet bagi memastikan kelas pembelajaran mereka tidak terbantut.
- ii. Bagi tasmik hafazan baharu, dicadangkan pihak sekolah mengurangkan sedikit jumlah sukatan tahunan disebabkan komitmen pelajar yang rendah sama ada dari sudut kehadiran, cara baca yang tidak tepat, masalah teknikal internet dan kurang kerjasama ibu bapa. Dengan mengurangkan sukatan tahunan akan mengurangkan beban pihak guru dan pelajar dalam mengejar silibus tahunan.
- iii. Jadual kelas tasmik boleh dilaksanakan secara anjal bersesuaian dengan masa pelajar. Jadual anjal ini berlaku disebabkan peranti (telefon tangan) yang terpaksa dikongsi sesama ahli keluarga.
- iv. Disebabkan terdapat isu komitmen pelajar yang rendah, pelajar yang tidak berjaya untuk tasmik hafazan baharu pada hari berkenaan hendaklah dibimbing hafazan mereka dengan cara bacaan talaqqi. Dengan talaqqi secara langsung dengan guru menjadikan hubungan dan tanggung jawab pelajar dengan guru wujud setiap hari selain memastikan kehadiran mereka dalam kelas.
- v. Menggunakan kaedah tebuk bacaan sebagai alternatif berbanding menghafaz satu juzu' atau setengah juzu' di hadapan guru. Dengan kaedah tebuk hafazan akan menjimatkan masa dan data internet, memberi ruang untuk pelajar berpengalaman menggunakan sistem tebuk dan menguji kebolehan visualisasi minda ayat al-Quran kepada pelajar.
- vi. Bagi pelajar lemah, dicadangkan untuk guru mengutamaan hafazan baharu berbanding murajaah. Ini kerana dengan memberi ruang keutamaan hafazan baharu akan memberikan semangat dan motivasi pelajar selain mengelakkan jurang jauh antara yang lemah dan cemerlang. Manakala bagi pelajar cemerlang guru boleh mengutamakan murajaah atau aktiviti pengayaan lain berbanding hafazan baharu. Ia bertujuan untuk memastikan mereka lancar hafazan dan mempunyai kemahiran lain seperti ingatan nombor ayat dan halaman, kefahaman ayat dan mempelajari tarannum.
- vii. Guru hendaklah sentiasa bersedia untuk tasmik pelajar walaupun di luar waktu rasmi terutama bagi pelajar yang ketinggalan dari sukatan hafazan. Ia bagi mengurangkan jurang antara pelajar dan galakan kepada pelajar lemah untuk terus tasmik hafazan mereka.
- viii. Peperiksaan rasmi al-Quran dicadangkan untuk terus diadakan walaupun secara dalam talian terutama melibatkan peperiksaan *syafawi* (lisan). Peperiksaan *tahriri* (bertulis) boleh juga dilaksanakan, namun mestilah diyakini pelajar jujur dan tidak menipu dalam menjawab soalan.

- ix. Isu teknikal peranti dan internet boleh diatasi menerusi pencarian penaja bagi pelajar dalam tempoh pandemik Covid19. Pihak sekolah juga dicadangkan untuk memberi bonus tambahan kepada guru bagi menampung bayaran data internet guru khasnya bagi yang tidak menggunakan wifi sekolah yang disediakan.
- x. Nasihat dan amaran sentiasa diberikan kepada pelajar bagi mengelakkan kecurangan dan ketidak jujuran semasa tasmik sama ada hafazan baharu atau lama. Kerjasama ibu bapa diperlukan bagi memastikan mutu hafazan anak-anak mereka terjaga.
- xi. Pihak sekolah dicadangkan untuk menyediakan kit panduan kepada ibu bapa dalam mengawal selia anak mereka di rumah. Kit ini melibatkan jadual rasmi bersama guru, bacaan al-Quran sehari, keutamaan solat berjamaah, ulangkaji pelajaran dan pemantauan akhlak.
- xii. Laporan secara berkala hendaklah diberikan kepada ibu bapa bagi memastikan mereka mengetahui perkembangan anak dan menjalin hubungan baik antara pihak sekolah dan ibu bapa.

## KESIMPULAN

Pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP di Malaysia telah mengubah kehidupan masyarakat secara total. Perubahan keseluruhan sistem ekonomi dan sosial telah mencetuskan fenomena yang tidak pernah dijangkakan dan membentuk satu norma baru. Dalam aspek pendidikan, pelaksanaan PKP ini telah mengubah arus perdana sistem pendidikan Malaysia daripada berbentuk konvensional yang berteraskan sekolah kepada kaedah atas talian yang hanya dengan berada di rumah.

Perubahan lanskap pendidikan ini turut melibatkan pendidikan Tahfiz yang melibatkan proses tasmik dan murajaah. Namun terdapat beberapa kekangan, isu dan cabaran yang perlu dilalui oleh pentadbir, guru dan pelajar bagi memastikan proses pembelajaran tahfiz tidak terbantut. Namun, setelah lebih setahun setengah pelaksanaan PdPR, isu-isu dan cabaran yang timbul pada peringkat awal sedikit demi sedikit cuba diminimumkan. Cuma perlu diingatkan bahawa proses talaqqi dan musyafahah dalam pendidikan Tahfiz hendaklah diutamakan dalam apa jua bentuk sama ada bersemuka dan dalam talian. Semakan guru terhadap hafazan pelajar mestilah tepat dan tidak berlaku kesalahan sama ada dari sudut tempo bacaan, tajwid, baris, panjang pendek bacaan dan sebutan huruf.

Hakikatnya, jika dilihat dari sudut positif, impak utama PdPR secara dalam talian ini telah memperlihatkan keupayaan generasi moden iaitu para pelajar dan guru lebih menguasai teknologi maklumat dan aplikasi-aplikasi sosial media dalam pembelajaran. Dengan kata lain pandemik Covid-19 telah mencetuskan revolusi pendidikan diMalaysia, namun ia memerlukan kawalan agar teknologi ini tidak disalah gunakan.

## Rujukan

- Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah dan Nursafazilah Binti Maksom. 2016. Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta’alim, Kg Tengah Kluang. Dlm. Zulkifli Mohd Yakub bin Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Selangor: Darul Quran JAKIM.
- Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda binti Hassan. 2020. Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran *Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19*. Kertas kerja Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik.
- Berita Harian. 1.7 Juta Pelajar Hadapi 'Miskin Digital'. 23 November 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/757190/17-juta-pelajar-hadapi-miskin-digital>.
- Hayati Ibrahim dan Amir Abd Hamid. Kelas Online: 36.9 Peratus Murid Tak Ada Peranti. 22 Julai 2020. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/602634/kelas-online-369-peratus-murid-tak-ada-peranti>
- Mohd Fairuz Jafar, et.al. 2020. "Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19". Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan. 20 Oktober 2020.
- Mohd Faisal, Mohammad Zawawi & Rahimi. 2008. *Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti dalam Pendidikan Islam di Sekolah*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Mohd Syakir Bin Moktar Mohd Farid Bin Mohd Sharif. 2021. Kaedah Talaqqī Musyafahah Dalam Tilawah Al-Quran (Method of Talaqqī Musyafahah in Reciting Al-Quran). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. 32 (1): 153-174.

- Nor Musliza binti Mustafa, Mokmin Basri. 2014. Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal. *Conference: Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014*. Hal. 827-834
- Nor Salwana Mohd Idris, 2021. "COVID-19: Norma Baharu dalam Pengajaran dan Pembelajaran". Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor. Universiti Malaysia Pahang.
- Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar & Nor Hafizi Yusuf. (2019). Konsep dan pelaksanaan kaedah talaqqi dan musyafahah dalam pembelajaran al-Qur'an. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 3 (1).
- Rohani Hj Ab Ghani. 2021. Pandemik Covid-19 Dan Norma Baru Dalam Pendidikan. [https://www.researchgate.net/publication/349582245\\_Pandemik\\_Covid\\_19\\_dan\\_Norma\\_Baru\\_dalam\\_Pendidikan\\_di\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/349582245_Pandemik_Covid_19_dan_Norma_Baru_dalam_Pendidikan_di_Malaysia)
- Roslinda Rosli. 2020. Pembelajaran Norma Baharu Tingkat Profesion Guru Berita Harian Online Ogos 11, 2020 @ 11:00am. Akses pada 29 Oktober. <https://www.bharian.com.my/>
- Sedek Ariffin, Mohd Zaini bin Zakaria, Muhamad Alihanafiah Norasid, Khadher Ahmad, Mohd Murshidi Mohd Nor, Amin Maulana. 2012. Membaca Hafalan 30 Juzuk Al-Quran Dalam Masa 15 Jam Tanpa Melihat Mushaf: Praktikal Di Pusat Tahfiz Al-Quran. *Proceeding The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*.
- Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin, Zulkurnain Bin Hassan. 2021. Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. <http://journal.ump.edu.my/ijhtc>, 10(2): 1-14.
- Zetty Raihan Mohd Yassin. 2020. Menangani Cabaran Norma Baharu Pembelajaran Dan Pengajaran Era COVID-19. Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa COVID-19. 30 Oktober 20202. <https://news.utm.my/ms/2020/05/menangani-cabaran-norma-baharu-pembelajaran-dan-pengajaran-era-Covid-19/>
- Laman web: <https://gadgetstouse.com/blog/2021/02/12/data-consumed-by-zoom-google-meet-skype-microsoft-teams-slack-and-hangouts/amp/>. Diakses pada 9 Ogos 2021.